

# Cuba tawar kursus percuma doktor perubatan

UM - 15/9/2006

Malaysia perlu menjalankan penilaian lanjut termasuk soal pengiktirafan kursus pengajian di institusi itu

ABDULLAH AHMAD BADAWI PERDANA MENTERI

Daripada OTHMAN MOHAMAD

**HAVANA** 14 Sept. - Cuba menawarkan 30 tempat bagi kursus doktor perubatan secara percuma kepada pelajar Malaysia di Sekolah Perubatan Amerika Latin (ELAM) di sini yang setakat ini telah mengambil lebih 10,000 pelajar asing daripada 28 negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tawaran itu dibuat oleh pihak ELAM ketika beliau mengadakan lawatan ke institusi tersebut hari ini.

Bagaimanapun, Malaysia perlu menjalankan penilaian lanjut termasuk soal pengiktirafan kursus pengajian di institusi itu, katanya pada sidang akhbar di Hotel Melia Habana, di sini.

ELAM, yang diasaskan pada 1998, setakat ini mengeluarkan lebih 1,500 doktor perubatan, kesemuanya warga asing yang kemudian dikehendaki kembali berkhidmat di negara asal masing-masing.

Kerajaan Cuba menubuhkan ELAM dengan tujuan memberi peluang kepada para pelajar miskin yang memiliki ijazah pertama dari negara-negara asing, dengan ditaja sepenuhnya.

Abdullah menjelaskan bahawa ELAM dikenali dengan kepakarannya dalam bidang kesihatan keluarga dan perubatan awam.

Terdahulu, Rektor ELAM, Dr. Juan D. Carrizo Esteres dalam taklimatnya kepada rombongan Perdana Menteri menyatakan, idea penubuhan ELAM bermula daripada bantuan perubatan kepada negara-negara di Amerika Tengah pada 1998, ketika negara-negara di wilayah itu terjejas teruk akibat dilanda Taufan Mitch.

ELAM kini menampung para pelajar, yang 75 peratus terdiri daripada keluarga miskin petani dan pekerja biasa dari Amerika Latin, Afrika, Amerika Syarikat dan Asia.

Menurutnya, pengajian selama enam tahun di ELAM mendapat kerjasama dan pengiktirafan dalam banyak pusat pengajian tinggi termasuk dari negara-negara Caribbean, Amerika Latin, Sepanyol dan Belgium.

Sementara itu, Perdana Menteri turut meninjau kepakaran di Hospital Pando Ferrer Ophthalmological, juga di sini, yang terkenal dengan teknologi dan kepakaran pembedahan mata.

Hospital Pando Ferrer turut menyediakan program khusus pembedahan yang memberi manfaat langsung kepada para pesakit daripada keluarga miskin, juga dari negara-negara di Amerika Latin.

Selain memberi khidmat kepada para pesakit terbabit secara percuma, pihak hospital juga menghantar pakar-pakarnya untuk berkhidmat di beberapa negara ran-

tau itu seperti Bolivia dan Venezuela.

Abdullah memberitahu, hospital tersebut kini mempunyai 700 doktor penyakit mata yang menawarkan rawatan umum dan kepakaran.

Malaysia, katanya, boleh memanfaatkan

kepakaran dan pengalaman Cuba dalam bidang itu dan Ketua Pengarah hospital berkenaan, Prof. Medelmo Rio dijemput melawat Malaysia bagi meninjau peluang kerjasama dalam bidang-bidang berkenaan.